

Kenapa digalakkan untuk berwaqaf?

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud:

“Bandingan pahala orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah umpama sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai itu ada seratus biji dan Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki dan Allah maha luas (kurniaNya) lagi maha mengetahui.”

Daripada Abu Hurairah, sabda Rasullullah yang bermaksud:


“Apabila mati anak Adam, akan terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya.”



Tatacara Proses Waqaf Wang Tunai



Tatacara Proses Waqaf Tanah



جباٰن اور ولسٰن زڪٰه، وَقْفٰ طَلَانِ بَيْتِ الْمَالِ
JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL

Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam

BAHAGIAN WAQAF DAN BAITULMAL

Apa itu
Waqaf?



8292526



www.mora.gov.bn



juzwab_kheu



juzwab

Apakah yang dimaksudkan dengan WAQAF (وقف)?

Dari segi bahasa

- Berhenti,
menegah dan
menahan.

Dari segi syara'

- Harta yang ditahan haknya daripada dijual beli, pewarisan, hibah dan wasiat.
- Dikekalkan sumber atau fizikalnya.
- Manfaatnya digunakan untuk kebajikan khusus atau umum kepada ummah dengan niat mendekatkan diri pwaqaf kepada Allah.

Jenis waqaf

Waqaf Am



Waqaf Khas



Suatu waqaf yang diwujudkan menurut hukum syara' untuk suatu tujuan khairat am.

Suatu waqaf yang diwujudkan menurut hukum syara' untuk pihak atau tujuan khairat khas.



Rukun waqaf



Pewaqaf
(Waqif)



Harta yang diwaqafkan
(Mawquf)



Penerima manfaat waqaf
(Mawquf 'alaiah)



Lafaz waqaf
(Sighah)



Apakah jenis harta yang boleh diwaqafkan?

1

Harta alih

Harta yang boleh dialihkan termasuk saham, wang, emas, perak dan yang seumpama dengannya.

2

Harta tak alih

Harta yang tidak boleh dialihkan termasuk tanah, bangunan dan yang seumpama dengannya.

3

Harta intelek

Apa-apa yang berkaitan dengan hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cakera optik, cap dagangan dan yang seumpama dengannya.

Antara harta waqaf yang diterima sehingga tahun 2023

Tanah Khas
Masjid dan Surau
Kereta Jenazah
Peralatan

Tanah Am
Penghawa Dingin
Bangunan dan Prasarana



Dari 1989 sehingga 2024, waqaf wang tunai adalah sebanyak B\$4,282,628.8 bagi kegunaan pembinaan / penambahan / memperbaiki masjid, membantu institusi tertentu dan menolong golongan yang memerlukan.

Terdapat juga agensi-agensi yang meminta kebenaran bagi projek dana waqaf seperti kerja-kerja menimbuk/meratakan tanah dan membina jalan laluan baru di dalam kawasan tanah perkuburan, waqaf Al-Quran dan lain-lain.

Waqaf yang diserahkan kepada pihak-pihak tertentu

Bagi sebarang penyerahan harta-harta waqaf yang dibuat oleh orang ramai atau pihak bekenan secara terus ke masjid, surau, balai ibadat, Jabatan-Jabatan Kerajaan, swasta dan tempat-tempat berkepentingan awam adalah disarankan pwaqaf atau penerima waqaf memaklumkan tentang perwaqafan berkenaan secara bertulis kepada Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) bagi:

- mengemaskinikan penyimpanan data-data mengenai perwaqafan di Negara Brunei Darussalam dan rujukan bagi sebarang kegunaan di masa hadapan;
- memastikan harta-harta waqaf berkenaan dipelihara dan dijaga dengan baik dan terjamin serta dapat menyampaikan hajat orang yang berwaqaf itu untuk dapat dimanfaatkan secara berterusan.

Perbezaan sedekah dan waqaf



Sedekah

- Sesuatu yang boleh dipindah milik.
- Pemberian dalam apa bentuk sekalipun.



Waqaf

- Harta yang diwaqafkan tidak boleh dipindah milik kepada sesiapapun.
- Terhad kepada sesuatu harta di mana harta tersebut boleh mendatangkan hasil atau menjana lebih banyak manfaat secara berterusan atau bentuk hasil yang boleh disimpan.